

## **Pemuda jatuh Sungai Pahang Masih Belum Ditemui**

Oleh: Khaulah Ramizu, 1180172

TEMERLOH: Seorang lelaki berusia 20 tahun dipercayai terjatuh ke Sungai Pahang ketika sedang memeriksa rawai ikan milik bapanya berdekatan Kampung Kuala Kujan, Pangsaenam, pada 27 November lalu.

Ketua Zon Dua Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Pahang, Mohd Sobree Mohd Salleh berkata, pihak bomba menerima panggilan kecemasan daripada bapa mangsa pada jam 1.40 petang dan proses pencarian segera dijalankan sejurus tiba di lokasi kejadian.

“Melalui maklumat yang kami terima, mangsa Loqman Hamka, 20, sedang merawai ikan di kawasan sungai berhampiran kampung Kujan pada waktu pagi dan dipercayai terjatuh di kawasan sungai kampung tebing tinggi kira-kira dua kilometer dari sini”.



Pasukan Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia (JBPM) memulakan misi pencarian mangsa, yang dikhuatiri lemas di Sungai Pahang berhampiran Kampung Kuala Kujan, Pangsaenam, Temerloh.

“Bagaimanapun, tiada saksi yang melihat mangsa terjatuh ke dalam sungai namun, orang awam menemui bot yang digunakan oleh mangsa dan ikan-ikan yang masih hidup”, katanya.

Gerakan mencari mangsa yang diketuai oleh Ketua Polis Daerah, Asisten Komisioner, Mohd Yusri Othman dengan bantuan agensi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (ATM) terus dipergiatkan sehingga hari ini.

Proses pencarian bermula seawal jam 8.00 pagi sehingga 6.00 petang di kawasan mangsa dilaporkan jatuh hingga ke jambatan Guai dan disambung ke jambatan Chenor yang menjangkau radius jarak 52 kilometer.



Tempat operasi pasukan khas bagi misi mencari dan menyelamat mangsa di Sungai Pahang dekat Kampung Kuala Kujan, Jalan Triang, Temerloh.

Sobree berkata, “Standard prosedur pencarian adalah selama tujuh hari akan tetapi atas titah Yang Dipertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri’ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah mencemar duli yang turut berangkat bagi meninjau tempat kejadian, misi mencari mangsa dilanjutkan selama tiga hari dan hari ini merupakan hari yang ke-10”.

Setakat ini, tiada tanda-tanda mangsa ditemui namun usaha mencari dan menyelamat oleh pasukan khas akan terus dilakukan sehingga esok.